

# Pencarian MH370 berakhir

BH 20/05/2018 MS.14

➔ Ocean Infinity jalankan misi meliputi 112,000km persegi dalam tempoh 3 bulan

## Putrajaya

Syarikat penerokaan dasar laut dari Amerika Syarikat, Ocean Infinity, mengesahkan misi pencarian bangkai pesawat Malaysia Airlines MH370 yang hilang telah berakhir.

Ocean Infinity berkata, syarikat itu menjalankan pencarian dan mengumpul data berkualiti tinggi meliputi kawasan seluas lebih 112,000 kilometer persegi dan berjaya mengatasi keadaan dan kawasan dasar laut yang mencabar.

"Keluasan kawasan diliputi dalam lebih tiga bulan operasi adalah jauh melebihi sasaran awal iaitu 25,000 km persegi dan hampir sama dengan kawasan pencarian sebelumnya dalam tempoh dua setengah tahun," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Ocean Infinity, Oliver Plunkett, merakamkan rasa dukacita semua pihak di Ocean Infinity kepada keluarga yang kehilangan orang tersayang dalam MH370.

"Hasrat menyambung semula pencarian ialah cuba merungkakan beberapa jawapan kepada mereka terbabit.

"Oleh itu, kami dengan hati yang amat berat mengakhiri usaha pencarian tanpa mencapai matlamat itu," katanya.

Beliau berkata, Ocean Infinity berterima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana memberi tawaran dan peluang kepada syarikat itu menyambung semula misi pencarian.

Komitmen yang dizahirkan

oleh kerajaan baharu di Malaysia untuk memberi keutamaan kepada usaha menjejaki MH370 adalah sangat baik, kata Plunkett.

## Bangga dengan kualiti data

"Walaupun hasil misi pencarian itu setakat ini amat mengecewakan, tetapi kami amat bangga dengan apa yang telah kami capai dari segi kualiti data yang kami hasilkan dan kecepatan tempoh masa yang telah diliputi dalam misi pencarian merangkumi kawasan yang luas.

"Belum pernah misi pencarian dasar laut berskala ini dijalankan dengan begitu cekap dan berkesan," katanya.

Beliau juga berkata, Ocean Infinity dengan ikhlas berharap syarikat itu sekali lagi dapat menawarkan khidmatnya dalam pencarian MH370 pada masa akan datang.

Ocean Infinity juga mengucapkan terima kasih kepada pasukan di atas kapal *Seabed Cons-*

tructor yang berusaha dengan gigit tanpa penat dan juga kepada semua syarikat, organisasi dan individu yang memberi sokongan, bimbingan dan nasihat yang tidak ternilai.

Plunkett berkata, pihaknya turut berterima kasih kepada kakitangan di Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) yang dedikasi mereka usaha menjejaki pesawat itu tidak pernah pudar dan layak diberi pujian.

Pesawat MH370 yang membawa 227 penumpang dan 12 kru hilang dari imbasan radar ketika dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac, 2014.

Pada Januari lalu, Malaysia menandatangani perjanjian dengan Ocean Infinity untuk menyambung pencarian.

**BERNAMA**

➔ Australia masih berharap Ms.71